

28 MAY 1998

Ghapur-Umno

UMNO HANYA TAHU KEPUTUSAN GHAPUR PAGI TADI

KOTA KINABALU, 28 Mei (Bernama) -- Umno Sabah hanya mengetahui pagi tadi mengenai keputusan Datuk Ghapur Salleh untuk tidak mahu disenaraikan dalam Kabinet baru yang mengangkat sumpah pagi ini, kata Setiausaha Umno Negeri Datuk Yahya Hussin.

Yahya yang diminta mengulas keputusan bekas Timbalan Ketua Menteri itu berkata, Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Osu Sukam dijangka membuat ulasan mengenai perkara itu tidak lama lagi.

"Bagi Umno, kepimpinan parti akan membuat keputusan sama ada mahu mengisi jawatan itu," katanya di Istana Negeri selepas upacara mengangkat sumpah jawatan Kabinet negeri hari ini.

Kecuali Ghapur yang sebelum ini juga Menteri Kewangan, kesemua 10 Menteri Kabinet sebelum ini dikekalkan walaupun portfolio mereka hanya akan ditentukan kemudian.

Mereka yang mengangkat sumpah hari ini ialah Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Yong Teck Lee, Datuk Joseph Kurup, Datuk Tham Nyip Shen, Datuk Lajim Ukin, Datuk Wilfred Bumburing, Datuk Pandikar Amin Mulia, Yahya, Datuk Raymond Tan, dan Datuk Dayang Mahani Pengiran Ahmad Raffae (mengikut susunan mengangkat sumpah).

Ghapur yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri sebelum ini pernah membuat keputusan mengejutkan dengan mengumumkan perletakkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan negeri pada Disember lepas sebelum menarik balik keputusan itu pada Januari ini.

Hari ini Ghapur bertindak meninggalkan Istana Negeri selepas saja Dompok mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai.

Ghapur yang terus menuju ke keretanya bagaimanapun sempat menjawab soalan pemberita dan menyatakan beliau sendiri yang meminta untuk tidak disenaraikan dalam Kabinet negeri.

"Saya meminta untuk tidak disenaraikan dan sudah memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya, dan saya fikir beliau sudah memersetujuinya".

Ghapur berkata beliau akan membuat kenyataan dalam seminggu lagi.

Ditanya alasan keputusannya, Ghapur yang juga Anggota Dewan Undangan kawasan Merotai di Tawau berkata, alasannya serupa dengan alasan ketika meletakkan jawatan hujung tahun lepas.

Ketika itu Ghapur menyebut alasan peribadi dan kegagalan dalam menjalankan tugas yang mendorongnya meletakkan jawatan dalam kerajaan dan juga sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri.

Sementara itu bekas Ketua Menteri Yong ketika diminta mengulas pelantikan semulanya dalam Kabinet negeri, berkata: "Ia merupakan satu perasaan baru untuk berkhidmat dengan peranan lain".

Ditanya apa yang membuatnya mahu kekal dalam Kabinet, Yong berkata perkara itu harus ditanya kepada Ketua Menteri yang baru (Dompok).

-- BERNAMA

KG PR